



PEMAKLUMAN BERITA PALSU

Berikut merupakan **PENAFIAN** tentang beberapa berita yang tular di media sosial:

1. Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Sarawak **menafikan** dakwaan bahawa Hospital Umum Sarawak (HUS) ditutup susulan terdapat anggota kesihatan di hospital berkenaan positif COVID-19. Beliau **menegaskan** HUS beroperasi seperti biasa dan sentiasa mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) untuk mencegah jangkitan wabak COVID-19.
2. Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Jempol, Negeri Sembilan, Syahrul Nizam Saleh **menafikan** dakwaan 40 individu daripada Kluster Pasar Awam Bahau (PAB) yang diambil sampel pada 28 April 2020 lalu didapati positif COVID-19. Sebaliknya, beliau **menjelaskan** hanya seorang peniaga sahaja yang didapati positif COVID-19 manakala 39 kontak rapat masih menunggu keputusan saringan dan akan dihantar ke Pusat Kuarantin di UiTM Rembau sebagai langkah kawalan dan pencegahan jangkitan.

**Pasukan Respons Pantas
KKMM
1 Mei 2020 | 9.00 Pagi**

